

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Khamis, 27 Jun 2024 | 20 Zulhijah 1445 | Tel: 1 300 22



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Minda Pengarang



Perhebat kempen kepada orang muda bahaya merokok, vape punca serangan jantung

Pendedahan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Jantung Negara (IJN), Datuk Dr Aizai Azan Abdul Rahim yang semakin ramai golongan muda, terutama individu berusia antara 20-an dan 30-an dikesan mengalami serangan jantung berikutan ketagihan tembakau amat mengejutkan dan membimbangkan.

Walaupun tidak menyatakan secara spesifik jumlah kes dirujuk ke IJN, namun kegemaran golongan lelaki merokok, manakala wanita cenderung menggunakan vape berikutan didakwa boleh melangsingkan badan antara faktor peningkatan generasi muda mengalami serangan jantung.

Lebih menakutkan apabila meningkatnya perokok 'dua dalam satu' iaitu menghisap rokok tembakau dan vape dalam kalangan usia muda, ditambah mengamalkan gaya hidup tidak sihat, sekali gus membuatkan individu terbabit lebih cepat mendapat serangan jantung kerana kesan di alami mereka menjadi dua kali ganda lebih berisiko.

Ia sepatutnya menjadi kejutan amaran kepada masyarakat bahawa serangan jantung tidak lagi hanya dialami individu berusia, warga emas dan golongan rentan, sebaliknya meluas dalam segenap usia masyarakat. Perkembangan terkini yang berbahaya ini seharusnya membuka mata kerajaan untuk mencari jalan mencegah sebelum merawat 'penyakit' ini.

Kementerian Kesihatan (KKM) tidak harus bertangguh untuk mencari mekanisme dan merangka pelan tindakan baharu bagaimana hendak meminimumkan risiko serangan jantung dialami golongan muda. Penyakit berkaitan jantung antara penyebab utama kematian di Malaysia setiap tahun, sekali gus membebankan kewangan negara.

Berdasarkan laporan Kos Penjagaan Kesihatan Langsung Penyakit Tidak Berjangkit di Malaysia, dianggarkan RM3.93 billion daripada jumlah keseluruhan RM9.65 billion kos perawatan kesihatan digunakan bagi perbelanjaan pada 2017 adalah merawat pesakit jantung.

Atas faktor ini, kerajaan harus segera mengaktifkan program dan kempen kesedaran mengenai ancaman serangan jantung yang banyak dipengaruhi akibat tabiat merokok termasuk vape. Ia harus bermula di sekolah rendah dan diperhebatkan pada peringkat sekolah menengah.

Kementerian Pendidikan perlu lebih agresif mewujudkan peraturan khas bagi membendung trend menghisap vape dalam kalangan pelajar seperti dilaporkan media sebelum ini. Ibu bapa juga tidak boleh lepas tangan kepada pihak sekolah untuk mengawal dan memantau anak mereka daripada tabiat merokok serta menghisap vape.

Ibu bapa tidak boleh lagi berlembut, sebaliknya perlu lebih tegas memantau dan mengawal aktiviti anak supaya tidak terjebak dengan perangkap tabiat merokok serta menghisap vape yang diketahui menjadi punca utama kepada serangan jantung kepada generasi muda hari ini.

Kerajaan juga harus segera meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Generasi Penamat Rokok (GEG) jika benar-benar komited mahu melindungi generasi muda hari ini daripada serangan jantung yang diketahui berpunca daripada tabiat merokok dan menghisap vape.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

**6,787
kekosongan
jawatan
jururawat
setakat Mac**

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 6,787 kekosongan jawatan jururawat setakat Mac lalu, merangkumi jawatan sedia ada dan baharu berikutan naik taraf serta pembinaan fasiliti kesihatan baharu.

Sehubungan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata KKM sedang melaksanakan proses pengambilan menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi memastikan bilangan jururawat mencukupi.

"Pengambilan akan dibuat secara berfasa dalam kalangan graduan diploma kejururawatan dari institusi pendidikan tinggi awam (IPT) awam dan swasta serta graduan diploma kejururawatan dari Institut Latihan KKM (ILKKM).

"Selain itu, KKM juga meningkatkan lagi jumlah pengambilan pelatih untuk mengikuti diploma kejururawatan di ILKKM, daripada 1,000 kepada 2,000 pelatih.

"Tawaran kepada Jururawat Masyarakat untuk Program Peningkatan Secara Lantikan (PSL) juga ditingkatkan daripada 800 kepada 1,000 orang setahun," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) mengenai tindakan KKM menanganai peletakan jawatan jururawat yang dilaporkan kerana tidak puas hati gaji rendah dan bagaimana KKM mengisi jawatan kosong jururawat yang agak banyak.

Dzulkefly memaklumkan, KKM tidak mengambil ringan perkara itu kerana ia boleh mengganggu kesinambungan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

"Masalah sama turut dihadapi fasiliti kesihatan swasta kerana ada juga petugas mereka yang meletak jawatan untuk bekerja di fasiliti kesihatan lain di dalam atau luar negara.

"KKM sentiasa dinamik untuk laksana pelbagai inisiatif seperti memperbaiki persekitaran kerja, menimbang insentif dan kemudahan berbentuk kewangan dan bukan kewangan bagi mengekalkan petugas kesihatan, khususnya jururawat dalam perkhidmatan kementerian.

"Kerajaan juga sedang memuktamadkan Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menyemak semula gaji, insentif dan kemudahan anggota perkhidmatan awam, termasuk pegawai dalam perkhidmatan KKM," katanya.

'Usia muda sudah sakit jantung angkara vape, rokok'

Ketagihan kedua-dua tabiat sebabkan serangan jantung lebih cepat kerana kesannya dua kali ganda

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semakin ramai orang muda berusia antara 20-an hingga 30-an dikesan mengalami serangan jantung.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Jantung Negara (IJN), Datuk Dr Aizai Azan Abdul Rahim, berkata ia berdasarkan pengalaman rawatan pesakit di IJN yang menunjukkan peningkatan pesakit jantung dari kalangan usia berkenaan.

Menyifatkan perkembangan itu semakin membimbangkan, beliau berkata, rekod berkenaan bertentangan dengan tanggapan ramai bahawa penyakit jantung hanya menyerang mereka yang berusia.

Selain faktor ketagihan tembakau, Dr Aizai Azan berkata, pengesanan penyakit jantung yang semakin meningkat dalam kalangan orang muda mungkin disebabkan ramai lebih peka dan membuat pemeriksaan awal.

"Ini sekali gus membolehkan pesakit dikesan awal," katanya pada sidang media selepas merasmikan Hari Tanpa Tembakau Sedunia bertepatan 'Melindungi Kanak-kanak dari Pengaruh Industri Tembakau' di IJN, di sini semalam.

Beliau bimbang dengan trend ketagihan kedua-dua tabiat, merokok dan pada masa sama menghisap 'vape' yang akan menyebabkan serangan jantung lebih cepat berikutan kesannya dua kali ganda.

"Semakin membimbangkan apabila meningkatnya perokok tembakau dan penghisap 'vape' dalam kalangan usia muda yang menggunakan kedua-dua tembakau dan 'vape'.

"Lelaki lebih ramai merokok, wanita pula cenderung menggunakan 'vape' kerana menganggap menghisap 'vape' boleh melangsingkan badan," katanya.

Bahaya tembakau
Katanya, perokok beralih kepada 'vape' kerana bentuk peranti itu lebih kecil, mudah dibawa atau

disembunyikan, selain tiada bau atau mempunyai bau-bauan seperti buah-buahan berbanding asap tembakau.

"Justeru, kita adakan program Hari Tanpa Tembakau sebagai usaha menumpukan pendidikan, pencegahan serta sokongan kepada pelajar sekolah menengah supaya mereka buat pilihan sihat, faham bahaya tembakau dan tidak mula merokok.

"Matlamat kami melindungi kanak-kanak dan remaja daripada gangguan industri tembakau yang sekian lama guna taktik mengelirukan untuk menyasarkan generasi muda, sekali gus menyebabkan ketagihan tembakau pada usia awal dan beralih daripada tembakau kepada vape," katanya.

Dalam ucapannya, beliau ber-



Dr Aizai Azan bersama Penasihat Program Hari Tanpa Tembakau IJN, Dr Emily Tan (tiga dari kiri) dan wakil sekolah pada Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024, di Institut Jantung Negara, semalam. (Foto Aziah Azmee/BH)

disembunyikan, selain tiada bau atau mempunyai bau-bauan seperti buah-buahan berbanding asap tembakau.

"Justeru, kita adakan program Hari Tanpa Tembakau sebagai usaha menumpukan pendidikan, pencegahan serta sokongan kepada pelajar sekolah menengah supaya mereka buat pilihan sihat, faham bahaya tembakau dan tidak mula merokok.

"Matlamat kami melindungi kanak-kanak dan remaja daripada gangguan industri tembakau yang sekian lama guna taktik mengelirukan untuk menyasarkan generasi muda, sekali gus menyebabkan ketagihan tembakau pada usia awal dan beralih daripada tembakau kepada vape," katanya.

Dalam ucapannya, beliau ber-

disembunyikan, selain tiada bau atau mempunyai bau-bauan seperti buah-buahan berbanding asap tembakau.

"Justeru, kita adakan program Hari Tanpa Tembakau sebagai usaha menumpukan pendidikan, pencegahan serta sokongan kepada pelajar sekolah menengah supaya mereka buat pilihan sihat, faham bahaya tembakau dan tidak mula merokok.

"Matlamat kami melindungi kanak-kanak dan remaja daripada gangguan industri tembakau yang sekian lama guna taktik mengelirukan untuk menyasarkan generasi muda, sekali gus menyebabkan ketagihan tembakau pada usia awal dan beralih daripada tembakau kepada vape," katanya.

Dalam ucapannya, beliau ber-

disembunyikan, selain tiada bau atau mempunyai bau-bauan seperti buah-buahan berbanding asap tembakau.

"Justeru, kita adakan program Hari Tanpa Tembakau sebagai usaha menumpukan pendidikan, pencegahan serta sokongan kepada pelajar sekolah menengah supaya mereka buat pilihan sihat, faham bahaya tembakau dan tidak mula merokok.

"Matlamat kami melindungi kanak-kanak dan remaja daripada gangguan industri tembakau yang sekian lama guna taktik mengelirukan untuk menyasarkan generasi muda, sekali gus menyebabkan ketagihan tembakau pada usia awal dan beralih daripada tembakau kepada vape," katanya.

Dalam ucapannya, beliau ber-

disembunyikan, selain tiada bau atau mempunyai bau-bauan seperti buah-buahan berbanding asap tembakau.

"Justeru, kita adakan program Hari Tanpa Tembakau sebagai usaha menumpukan pendidikan, pencegahan serta sokongan kepada pelajar sekolah menengah supaya mereka buat pilihan sihat, faham bahaya tembakau dan tidak mula merokok.

"Matlamat kami melindungi kanak-kanak dan remaja daripada gangguan industri tembakau yang sekian lama guna taktik mengelirukan untuk menyasarkan generasi muda, sekali gus menyebabkan ketagihan tembakau pada usia awal dan beralih daripada tembakau kepada vape," katanya.

Dalam ucapannya, beliau ber-

kata, Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 dan Tinjauan Kesihatan Remaja 2022 mendapati ada sedikit peningkatan perokok remaja di negara ini dalam tempoh 2012 hingga 2017.

Selain itu, terdapat peningkatan trend penggunaan e-rokok atau 'vape' dengan kira-kira 42.2 peratus remaja mengguna atau mencuba peranti itu sebelum usia 14 tahun, kebanyakannya remaja lelaki.

Kajian juga mendapati penurunan tabiat merokok dalam kalangan remaja, iaitu 6.2 peratus pada 2022 berbanding 13.8 peratus pada 2017, namun ada peningkatan ketara pengguna vape atau e-rokok, daripada 9.8 peratus kepada 14.9 peratus bagi tempoh sama.

Hanya 17 pakar bedah kardiotorasik di KKM

Kuala Lumpur: Hanya ada 17 pakar pembedahan kardiotorasik yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan (KKM) pada masa ini, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Pada masa sama, katanya, hanya ada 23 pelatih sedang mengikuti latihan kepakaran pembedahan kardiotorasik, termasuk 16 menjalani Latihan Kepakaran Lulusan Paralel dan tujuh bagi Program Sarjana Perubatan di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Katanya, KKM sentiasa berusaha mengatasi masalah kekurangan pakar berkenaan, antaranya memperkenalkan latihan kepakaran melalui Latihan Kepakaran Lulusan Paralel pada 2014 dan Sarjana Perubatan Pembe-

dahan Kardiotorasik pada 2020.

"KKM sentiasa menambah baik untuk memperluas perkhidmatan kepakaran di fasiliti kerajaan kepada rakyat, termasuk kepada pembedahan kardiotorasik.

"Antara inisiatif aspek latihan bagi meningkatkan bilangan pakar perubatan secara keseluruhan adalah meningkatkan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 1,500 slot setiap tahun kepada 1,650 slot pengajian bagi sesi 2024/2025.



Dr Dzulkefly Ahmad

"Ia bagi menggalakan lebih ramai pegawai perubatan melanjutkan pengajian dalam program sarjana perubatan," katanya dalam jawapan bertulis bagi menjawab soalan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) di Dewan Rakyat, semalam.

Kardiotorasik merujuk perkhidmatan perundingan kepakaran perubatan, penjagaan dan rawatan serta pembedahan jantung dan paru-paru.

Inisiatif lain, kata Dzulkefly, meningkatkan peluang latihan kepakaran perubatan supaya le-

bih ramai doktor pakar dihasilkan melalui Latihan Kepakaran Lulusan Paralel di KKM yang menawarkan 600 slot tajaan.

Kepada soalan Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus), beliau berkata, KKM akan berbincang lanjut dengan Universiti Awam (UA) bagi memperkukuhkan pelaksanaan program sarjana perubatan, termasuk bidang kardiotorasik.

"Perbincangan awal sudah dilaksanakan Januari 2024 dengan Majlis Dekan-Dekan Fakulti Perubatan mengenai perkara ini," katanya menjawab soalan Dr Alias mengenai perancangan kerajaan untuk meluaskan kursus pengajian kepakaran kardiotorasik dengan kerjasama UA lain selain UiTM.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA



DR. AIZAI (belakang, tengah) bergambar bersama pelajar yang hadir pada pelancaran Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024 di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur semalam. – SYAKIR RADIN

Jumlah remaja merokok, hisap vape meningkat

Umur 20 tahun dah kena serangan jantung

Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM

KUALA LUMPUR – Semakin ramai individu berusia 20 dan 30 tahun mengalami serangan jantung disebabkan penggunaan tembakau.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Jantung Negara (IJN), Datuk Dr. Aizai Azan Abdul Rahim berkata, ramal yang mengangap serangan jantung hanya menyerang orang dewasa tetapi trend terkini menunjukkan golongan muda semakin ramai mengalaminya.

"Tinjauan Kesihatan & Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022, Tinjauan Kesihatan Remaja 2022 menunjukkan peningkatan perokok daripada golongan itu antara 2012 hingga 2017.

"Terdapat juga trend yang semakin membimbangkan dalam

penggunaan e-rokok atau vape.

"Menurut kajian, 42.2 peratus remaja yang menggunakan atau mencuba vape atau rokok elektronik (e-rokok) telah bermula seawal usia 14 tahun," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024 di IJN, di sini semalam.

Jelasnya, kebanyakan perokok terdiri daripada remaja lelaki, manakala golongan wanita lebih berminat menghisap vape kerana dikatakan dapat menguruskan badan, sebagai pengganti rokok dan cara dipasarkan lebih selamat.

"Laporan NHMS 2022 menunjukkan terdapat lonjakan ketara bagi pengguna vape atau e-rokok pada 2017 iaitu daripada 9.8 peratus kepada 14.9 peratus," katanya.

Jelas beliau, saiz vape yang

kecil dan didatangkan dengan pelbagai perisa termasuk buah-buahan menyebabkan penggunaan e-rokok sukar dibendung.

"Penggunaan serentak rokok dan vape boleh mendapat kesan dua kali ganda," katanya.

Terdahulu, Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024 mengambil tema Melindungi Kanak-kanak Daripada Pengaruh Industri Tembakau.

Sehubungan itu, baru-baru ini IJN telah mengadakan program Hari Tanpa Tembakau Sedunia selama seminggu bertujuan memperkasakan belia untuk menentang tarikan produk tembakau dan nikotin termasuk e-rokok.

Inisiatif itu berlangsung dari 10 hingga 14 Jun lalu dan melibatkan lima buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA

Kes demam denggi meningkat di Terengganu

KUALA TERENGGANU - Kes demam denggi di Terengganu meningkat kepada 125 kes pada Minggu Epidemiologi ke-25 tahun ini.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasamani Embong berkata, ia kenaikan 5.9 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

"Setakat ini, lima kes demam denggi direkodkan iaitu masing-masing dua di Besut dan Marang, manakala satu di Hulu Terengganu.

"Begitupun, kes demam denggi di negeri ini masih dianggap terkawal dan setakat ini tiada lagi kematian direkodkan," katanya di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Kasamani memberitahu, sebanyak 1,261 notis kompaun kesalahan pembiakan nyamuk Aedes dikeluarkan di negeri ini sehingga bulan Mei lalu.

Beliau berkata, notis kompaun yang dikeluarkan mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 itu bernilai keseluruhan RM198,500.

"Tumpuan pemeriksaan dilakukan di tapak pembinaan, kedai tayar dan kawasan perindustrian di seluruh negeri ini.

"Kami sentiasa komited dan mengambil tindakan serius melalui aktiviti penguatkuasaan berikutan peningkatan kes demam denggi sejak akhir-akhir ini," katanya.

Kasamani menegaskan tindakan penguatkuasaan merupakan pilihan terakhir diambil Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu bagi membanteras penularan demam denggi di negeri ini.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan masyarakat agar menjaga kebersihan premis masing-masing bagi mengelak ia menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Antara yang perlu dilakukan untuk membasmi tempat pembiakan nyamuk aedes ialah memusnahkan tempat pembiakannya, membuang air bertakung, membersihkan kolah secara kerap dan menyembur racun serangga.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

NASIONAL 3

KHAMIS 27 JUN 2024 • SINAR HARIAN

Turut berpotensi hidup
kanser, gangguan
pernafasan jika terdedah
lama dengan e-waste

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

LAPORAN
MUKA
DEPAN

Inisiatif ESG
Sinar Harian

Lestari
@Sinar

Golongan berisiko tinggi seperti kanak-kanak dan warga emas berpotensi mengalami kanser, perkembangan otak yang perlahan atau gangguan sistem pernafasan sekiranya terdedah kepada bahan kimia berlebihan daripada sisa elektrik dan elektronik (e-waste).

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, bahan toksik contohnya dioksin memberi kesan kepada sistem imun badan, arsenik mengakibatkan kencing manis atau penyakit berkaitan kardiovaskular dan merkuri menyebabkan kerosakan buah pinggang.

Menurutnya, penggunaan peralatan elektrik dan elektronik memang memudahkan urusan harian, namun sebaik sahaja jangka hayat berakhir, ia perlu dilupuskan secara betul sebelum bahan berbahaya di dalamnya terdedah kepada orang di sekeliling.

"Kaum wanita yang sedang hamil, remaja, dewasa atau anak-anak kecil juga boleh terkena penyakit kulit, mata

dan lain-lain jika pencemaran udara atau air.

"Pencemaran boleh berlaku kepada udara, tanah dan sumber makanan harian kita. Boleh dikatakan terdapat sekurang-kurangnya 69 elemen terdiri daripada logam berharga, termasuk bahan berbahaya," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.



DR ZAINAL ARIFFIN

Tambah Dr Zainal Ariffin, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pernah menyatakan bahawa e-waste boleh menjadi ancaman kepada alam sekitar dan kesihatan manusia jika tidak diurus, dibuang, dikitar semula atau dilupuskan dengan kaedah berselesaian.

Beliau berharap kerajaan dapat membangunkan sistem pelupusan atau rawatan secara teratur bagi mengelakkan industri tersebut diuruskan oleh pihak yang tidak mengikut kaedah yang telah ditetapkan.

Lambatkan perkembangan otak kanak-kanak

KESAN KANDUNGAN TOKSIN E-WASTE KEPADA KESIHATAN

PLUMBUM:

- Perkembangan otak terjejas
- Kerosakan buah pinggang dan sistem darah

MERKURI:

- Kerosakan kronik pada otak dan pernafasan

KADMIUM:

- Merosakkan buah pinggang dan hati
- Kerosakan saraf
- Teratogenik

BERILIUM:

- Karsinogenik (kanser paru-paru)
- Penyakit kulit

PLASTIK (TERMASUK PVC):

- Pembakaran akan menghasilkan dioksin
- Permasalahan sistem pembiakan dan perkembangan
- Sistem imun badan terjejas

BARIUM:

- Kerosakan jantung, hati dan limpa
- Lemah otot

KROMIUM:

- Asma
- Bronkitis

Sumber: Laman Sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS)

"Kerajaan mesti peka dan bangunkan sistem yang efisien di peringkat global dan domestik, kita sudah ada (pusat pe-

ngumpulan serta kemudahan pemerolehan kembali) namun ia masih tak mencukupi," ujarnya lagi.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NEGERI

Hospital Pantai Klang lancar Makmal Kateterisasi baharu

KLANG - Bagi memberikan kemudahan terbaik kepada pelanggannya, Hospital Pantai Klang kini mempunyai Makmal Kateterisasi baharu yang dilengkapi sistem pengimejan jantung dengan detektor 50.8 sentimeter yang canggih.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rachel Yew berkata, sistem berkenaan mampu memberi kualiti pengimejan terbaik bagi pengesanan awal.

Menurutnya, melalui sistem pengimejan berkenaan juga, pesakit dapat di diagnosis dengan tepat bagi membolehkan mereka mendapat rawatan berkesan terhadap penyakit kardiovaskular.

"Selain itu ia juga memudahkan prosedur invasif minimum seperti an-

gioplasti dan pemasangan stent yang mampu merawat serangan jantung dan arteri tersumbat," katanya pada Pelancaran Makmal Kateterisasi di sini pada Rabu.

Majlis pelancaran makmal berkenaan telah disempumakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pandamaran, Tony Leong Tuck Chee.

Rachel berkata, makmal berkenaan beroperasi selama 24 jam sehari di bawah kendalian pasukan perubatan profesional diketuai Dr Suhaimi Osman.

Sementara itu Tuck Chee berkata, dengan tawaran kemudahan itu, Hospital Pantai Klang mampu menjadi peneraju dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk pesakit jantung di Lembah Klang ini.



Tuck Chee (empat dari kiri) bersama tetamu kehormat yang hadir pada Pelancaran Makmal Kateterisasi di Hospital Pantai Klang pada Rabu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NEGERI

Berpuluh lagi penduduk
RPT Pengkalan Pegoh
positif wabak berkenaan

Oleh NORMAWATI ADNAN
IPOH

Denggi: Dua kematian dalam tempoh seminggu

Dua kematian akibat denggi berlaku dalam tempoh seminggu di Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Pengkalan Pegoh dekat sini, minggu lalu.

Kedua-dua itu mengusarkan penduduk apatah lagi berpuluh-puluh daripada mereka turut mengalami positif denggi sejak wabak berkenaan dilaporkan April lalu.

Berdasarkan statistik minggu lalu, terdapat hampir 40 kes terkumpul direkodkan di kawasan penempatan itu dengan mangsa mengalami gejala seperti demam, sakit kepala dan lenguh badan.

Penduduk, Azman Sahlan, 56, berkata, anak perempuannya antara yang menjadi mangsa demam denggi sebelum disahkan meninggal dunia akibat wabak itu, 19 Jun lalu.

Menurutnya, anak ketiga daripada empat beradik berusia 21 tahun itu, mengalami simptom kritikal sehingga mengakibatkan kiraan platelet rendah dan perlu di-

tidurkan di unit rawatan rapi (ICU) Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

"Arwah pada mulanya mengadu sakit kepala dan apabila dimasukkan ke wad hospital platelet darahnya menurun mendadak.

"Semasa kejadian, anak bongsu saya juga dijangkiti wabak sama, namun dia pulih sementara kakaknya tidak dapat

diselamatkan," katanya ketika ditemui di sini pada Rabu.

Beliau berkata, kawasan RPT Pengkalan Pegoh yang mempunyai sekitar 100 rumah kediaman adalah antara lokasi titik panas wabak denggi di daerah Kinta.

Menurutnya, aktiviti kawalan termasuk semburan asap telah dijalankan Jabatan Kesihatan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT), namun kes masih meningkat.

"Kawasan ini bukanlah dikelilingi tapak-tapak buangan sampah haram, aktiviti tanaman tanpa kebenaran yang berisiko untuk pembiakan nyamuk aedes juga tiada.

"Mungkin kes meningkat disebabkan faktor cuaca," katanya.

Sementara itu, ahli keluarga mangsa kedua, Abdul Latif Shaiddin, 60, yang meninggal dunia akibat demam denggi Jumaat lalu turut disahkan positif denggi.

Anak mangsa, Muhammad Nabil Abdul Latif, 18, berkata, dia bersama abang dan ibunya masing-masing turut mengalami simptom demam, sakit urat dan kepala sejak seminggu lalu.

Sinar Harian dimaklumkan, satu perjumpaan bakal diadakan penduduk RPT tersebut bagi mencari jalan penyelesaian terbaik terhadap penularan wabak denggi.

AJENYE
YEL

Karnival Rakyat
Wow! Banyak Aktiviti Tradisi
dulu-dulu dan peluang memenangi pelbagai hadiah istimewa!



Seorang penduduk, Mohd Nordin Adnan menunjukkan keadaan saliran longkang di RPT Pengkalan Pegoh.



Azman (kiri) bersama Mohd Nordin melakukan pemeriksaan pembiakan nyamuk aedes di kediaman penduduk.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI



DR. AIZAI Azan Abdul Rahim (belakang, tengah) bersama sebahagian pelajar sekolah yang menghadiri pelancaran Hari Tanpa Tembakau anjuran Institut Jantung Negara di Kuala Lumpur, semalam.

Vape, tembakau tingkat risiko serangan jantung golongan muda

KUALA LUMPUR: Golongan belia berusia 20 hingga 30 tahun berisiko mengalami serangan jantung ekoran ketagihan dalam penggunaan tembakau dan vape.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Jantung Negara (IJN), Datuk Dr. Aizai Azan Abdul Rahim berkata, orang ramai mungkin berpendapat bahawa penyakit jantung hanya menimpa golongan berusia, sebaliknya golongan muda juga semakin ramai terkena serangan jantung.

Katanya, sepanjang pengalamannya di IJN, beliau mendapati situasi itu semakin menjadi keimbangan dan serangan jantung turut menyerang golongan berusia di bawah 30 tahun.

"IJN tidak mempunyai statistik berapa ramai (pesakit) tetapi golongan lelaki lebih ramai merokok, manakala golongan wanita pula lebih cenderung menggunakan vape ekoran ter-

tarik dengan kelebihan yang didakwa boleh menurunkan berat badan," katanya selepas pelancaran program Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024, semalam.

Dr. Aizai berkata, peningkatan kes penyakit jantung dalam kalangan golongan muda juga mungkin disebabkan oleh kepekaan orang ramai yang datang mendapatkan rawatan awal, sekaligus membolehkan penyakit itu dikesan pada peringkat awal.

"Namun, apa yang semakin membimbangkan apabila berlaku peningkatan risiko terhadap serangan jantung terhadap mereka yang merokok dan dalam masa yang sama turut menggunakan vape.

"Tindakan itu membuatkan mereka lebih mudah dan meningkatkan risiko dua kali ganda untuk mengalami serangan jantung," katanya.

Beliau berkata, ramai juga yang beralih daripada merokok kepada vape kerana peranti itu lebih kecil, mudah dibawa dan disembunyikan, selain tiada bau busuk berbanding asap tembakau tetapi langkah itu sebenarnya tidak mengurangkan risiko terkena serangan jantung.

"Justeru, program tersebut dilaksanakan agar dapat menangani isu ini secara langsung dengan memberi tumpuan kepada pendidikan, pencegahan dan sokongan dan bertujuan untuk memperkasakan belia dengan maklumat yang mereka perlukan untuk menjadikan lebih sihat," katanya.

Dalam ucapannya, Aizai berkata, Tinjauan Kesihatan & Morbiditi Kebangsaan 2022 dan Tinjauan Kesihatan Remaja 2022, terdapat sedikit peningkatan penggunaan tembakau dalam kalangan remaja Malaysia dari 2012 hingga 2017.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

Malaysia hanya ada 17 pakar bedah kardiotorasik

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juanibakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan kini hanya mempunyai 17 pakar pembedahan kardiotorasik yang masih berkhidmat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, terdapat seramai 23 pelatih yang merangkumi 16 latihan kepakaran laluan Paralel dan tujuh Program Sarjana Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang sedang mengikuti latihan kepakaran pembedahan kardiotorasik.

Bagaimanapun, menurut beliau, Kementerian sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan pakar pembedahan kardiotorasik dan antara langkah-langkah yang diambil adalah dengan memperkenalkan latihan kepakaran melalui Latihan Kepekaran Laluan Paralel pada 2014.

"Seterusnya pada 2020 UiTM mewujudkan Sarjana Perubatan Pembedahan Kardiotorasik. Inisiatif ini adalah bagi meningkatkan jumlah pakar pembedahan kardiotorasik," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Me-



Kementerian Kesihatan sentiasa menambah baik untuk memperluas perkhidmatan kepakaran di fasiliti kerajaan kepada rakyat termasuklah kepekaran pembedahan kardiotorasik."

DZULKEFLY AHMAD

laka) mengenai langkah Kementerian Kesihatan bagi mengatasi isu kekurangan pakar pembedahan kardiotorasik bagi menyelesaikan rungutan masa menunggu yang lama bagi pesakit yang memerlukan pembedahan itu.

Mengulas lanjut, Dr. Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan sentiasa menambah baik untuk memperluas perkhidma-

tan kepekaran di fasiliti kerajaan kepada rakyat termasuklah kepekaran pembedahan kardiotorasik.

Katanya, antara inisiatif dilaksanakan dari aspek latihan bagi meningkatkan bilangan pakar perubatan dalam pelbagai bidang klinikal secara keseluruhan di seluruh negara dengan meningkatkan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan daripada

1,500 slot setiap tahun kepada 1,650 slot pengajian bagi sesi 2024/2025 untuk menggalakan lebih ramai pegawai perubatan melanjutkan pengajian dalam Program Sarjana Perubatan.

"Meningkatkan peluang latihan kepekaran perubatan supaya lebih ramai doktor pakar dihasilkan melalui Latihan Kepekaran Laluan Paralel di Kementerian Kesihatan yang menawarkan 600 slot tajaan," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan Datuk Dr. Alias Razak (Pas-Kuala Nerus) yang meminta penjelasan Kementerian berhubung perancangan kerajaan untuk meluaskan kursus pengajian kepekaran bidang kardiotorasik selain UiTM, Dr. Dzulkefly berkata, pihaknya akan mengatur perbincangan lanjut bersama pihak universiti awam.

Katanya, ia bagi memperkukuhkan pelaksanaan Program Sarjana Perubatan termasuklah untuk bidang Pembedahan Kardiotorasik.

"Perbincangan awal juga telah dilaksanakan pada bulan Januari 2024 bersama dengan pihak Majlis Dekan-dekan Fakulti Perubatan berkenaan perkara tersebut," katanya.

UM bakal tawar program kardiotorasik

KUALA LUMPUR: Isu kekurangan pakar bedah kardiotorasik yang dihadapi negara ketika ini dijangka mampu diselesaikan Oktober ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir berkata, Universiti Malaya (UM) bakal menawarkan kursus pembedahan kardiotorasik selepas mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Kesihatan.

Menurut beliau, kerajaan menyedari mengenai masalah dihadapi dan ingin menyelesaikan isu kekurangan pakar bedah kardiotorasik dengan kadar segera.

"Insya-Allah dalam tempoh terdekat isu-isu seperti ini akan kita selesaikan dengan kadar segera. Kita jangkakan pada Oktober nanti, kursus berkaitan kardiotorasik ini dapat diselesaikan.

"Maknanya (akan) ada laluan-laluan lain selain Universiti Teknologi Mara (UiTM), ada juga di universiti-universiti lain yang

Pakar perubatan kurang bukan salah UiTM

UiTM hanya melabuhkan 20 doktor pakar setahun, keperluan negara pula 28,000

akan menawarkan," katanya ketika sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat semalam.

